

# **ANALISIS PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP PROGRAM LIBAT URUS KDN BERSAMA MASYARAKAT SETEMPAT**

Noor Zahirah Mohd Sidek, Mohd Rizaimy Shaharudin, Lokman Effendi Ramli,  
Norazam Mohd Noor, Rafidah Mohamad Noor

## **ABSTRACT**

*Security and public order require reforms in terms of approach, changes in policies, and development of security plans. One of the new approaches undertaken by the Ministry of Home Affairs (MOHA) is working together with individuals and the general public to enhance security and public order. MOHA works to organize management programs across the nation into zones as one of its initiatives. This paper examines the impact of the engagement programs by MOHA to ensure the effectiveness of the programs to boost the level of security and public order among the people at all levels.*

**Keywords:** Engagement, local community, security, public order

## **ABSTRAK**

Keselamatan dan ketenteraman awam memerlukan reformasi dari segi pendekatan, perubahan polisi dan pelan pembangunan keselamatan. Justeru, antara pendekatan baru yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) adalah dengan melibatkan orang awam dan masyarakat secara keseluruhannya untuk bersama-sama menjaga keselamatan dan ketenteraman awam. Salah satu usaha yang dilakukan oleh KDN adalah dengan mengadakan program-program libat urus mengikut zon di seluruh negara. Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis impak serta keberkesanan semua program-program libat urus yang telah dijalankan oleh KDN ke arah meningkatkan tahap keselamatan dan ketenteraman awam di kalangan rakyat pelbagai peringkat.

**Kata Kunci:** Libat urus, masyarakat setempat, keselamatan, ketenteraman awam

## PENGENALAN

Perancangan libat urus KDN telah bermula seawal 17 Mei 2022 dengan cadangan konsep dan pengisian program-program yang akan dijalankan. Pelancaran secara rasmi program libat urus di antara kementerian dan masyarakat telah diadakan pada 17 Mac 2023 di Kuala Lumpur Convention Center. Pelbagai program telah disusun untuk membawa aspirasi KDN kepada semua segmen masyarakat di Malaysia. Baru-baru ini KDN telah melancarkan KDN Madani bagi memperkuuhkan libat urus dengan masyarakat.

Tujuan utama program libat urus ini adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran tentang keselamatan dan ketenteraman awam secara umumnya kepada masyarakat. Ini termasuklah memberi informasi berkaitan dengan bidang tugas KDN serta agensi dan jabatan di bawahnya. Secara khususnya, program libat urus ini bertujuan untuk mengajak seluruh masyarakat untuk bersama-sama menjaga keselamatan dan ketenteraman awam melalui '*whole of nation approach*' ke arah Malaysia yang aman, damai dan sejahtera.

Program libat urus ini adalah merupakan satu inisiatif KDN untuk memberi kesedaran tentang isu keselamatan pasca pandemik, penyalahgunaan dadah dan substans, pengaruh media sosial dan teknologi serta kompleksiti jenayah. Oleh itu, program libat urus ini merupakan satu platform alternatif untuk menyampaikan maklumat terkini berkenaan keselamatan dan ketenteraman awam.

Program libat urus ini adalah selari dengan sasaran dan misi global serta nasional. Di peringkat global, program libat urus ini adalah selari dengan usaha-usaha yang disasarkan oleh *Sustainable Development Goals (SDGs)* 2030 iaitu Matlamat Pembangunan Mampan 3: Kesihatan dan Kesejahteraan (*Goal 3: Good Health and Well – Being*) di mana ianya bertujuan untuk merawat dan mencegah penyalahgunaan dadah dan substans serta mengurangkan kadar kematian dan kecederaan di jalan raya. Matlamat Pembangunan Mampan 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi Yang Kukuh (*Goal 16: Peace, Justice and Strong Institutions*) pula menyarankan:

- (i) Pengurangan jenayah keganasan
- (ii) Melindungi kanak-kanak dari penderaan, exploitasi, pemerdagangan serta keganasan ke atas kanak-kanak

- (iii) Membanteras jenayah terancang, aliran keluar masuk serta transaksi kewangan secara haram dan aliran keluar masuk senjata api secara tidak sah
- (iv) Mengukuhkan institusi nasional bagi menghalang keganasan dan memerangi jenayah

Dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), KDN dipertanggungjawabkan untuk memperkuatkan keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti secara amnya serta meningkatkan pertahanan, keselamatan, kesejahteraan dan perpaduan secara umumnya berdasarkan kepada skop dan ruang lingkup KDN. Sasaran KDN pada tahun 2025 adalah penurunan jenayah indeks bagi setiap 100,000 orang penduduk kepada 238 kes sahaja dan meningkatkan kedudukan Malaysia ke tangga ke-10 dalam *Global Peace Index* (GPI).

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauh mana program-program libat urus yang telah dijalankan oleh KDN sepanjang tahun 2022 memberikan impak. Dapatkan kajian ini boleh membantu KDN bagi merangka polisi, aktiviti serta program jangka pendek dan panjang bagi meningkatkan keberkesanan KDN dalam menjamin keselamatan dan ketenteraman awam penduduk di Malaysia.

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **KONSEP PROGRAM LIBAT URUS**

Matlamat utama program libat urus KDN adalah untuk melahirkan semangat cintakan negara dan menggalakkan penyertaan pelbagai pihak di kalangan masyarakat sebagai rakan strategik KDN bagi menjamin keselamatan negara. Oleh itu, tema yang digunakan oleh KDN adalah berdasarkan kepada kerjasama kementerian, agensi, jabatan dan masyarakat bersama-sama menjalankan peranan dan tanggungjawab dalam menjaga keselamatan negara.

Objektif utama program libat urus ini adalah:

- (i) Meningkatkan kesedaran rakyat tentang keselamatan dan ketenteraman awam,
- (ii) Membina perpaduan dan keharmonian berbilang bangsa,
- (iii) Menyebar luas peranan jabatan dan agensi di bawah KDN, dan

- (iv) Memupuk kerjasama di kalangan masyarakat dalam menjaga keselamatan dan ketenteraman awam.

Tujuan program libat urus adalah untuk memberi kesedaran keselamatan kepada masyarakat secara umum, membentuk pemimpin masa depan yang cakna dengan keselamatan dan ketenteraman awam serta penglibatan masyarakat dalam usaha membanteras jenayah. Melalui program libat urus ini, maklumat sebenar akan disampaikan secara terus daripada ketua agensi dan jabatan di mana pengunjung program dapat berinteraksi secara langsung. Ini dapat mengurangkan dan menangani masalah *misinformation* dan *disinformation* berikutan trend masyarakat sekarang yang bergantung kepada media sosial untuk maklumat tanpa verifikasi. Program libat urus juga bertujuan untuk mendapatkan aspirasi masyarakat bagi mewujudkan dasar-dasar serta polisi yang lebih inklusif yang boleh membantu KDN merangka dan melaksanakan inisiatif yang menepati keperluan rakyat dari aspek keselamatan.

Terdapat empat (4) cabaran utama masa kini yang telah dikenalpasti oleh KDN iaitu (i) keselamatan pasca pandemik, (ii) penyalahgunaan dadah dan substans, (iii) pengaruh media sosial dan teknologi, dan (iv) kompleksiti jenayah. Berdasarkan statistik terkini, jenayah siber telah meningkat lebih kurang 99.5 peratus (DOSM, 2021), penyalahgunaan dadah dan substans adalah 65 peratus bagi belia berumur 19-39 tahun, 32.9 peratus bagi dewasa iaitu berumur 40 tahun ke atas dan 2 peratus bagi remaja berumur 13-18 tahun (AADK, 2020). Bagi media sosial dan teknologi, menurut laporan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), Malaysia berada di tangga kedua di Asia dan keenam di dunia bagi kes-kes yang melibatkan buli siber (BERNAMA, 2022). Manakala, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) pula melaporkan 86 peratus atau 28 juta rakyat Malaysia menggunakan media sosial dan merupakan antara pengguna paling aktif dengan bilangan pengguna meningkat sebanyak dua juta atau tujuh peratus dalam tempoh setahun sejak dari tahun 2020 (Ismail, 2021). Oleh itu, adalah wajar bagi KDN untuk menangani permasalahan ini dengan segera.

Pendekatan libat urus bersifat interaktif, informatif, santai dan *people-centric* bagi menjangkau lapisan masyarakat yang berbeza. Libat urus ini juga merupakan mekanisme KDN bagi mencapai sasaran Pelan Strategik KDN 2021-2025. Di antara program-program yang dijalankan termasuklah sesi ceramah oleh jabatan dan agensi di bawah KDN seperti Jabatan Imigresen (JIM), Jabatan

Pendaftaran Negara (JPN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Anti-dadah Kebangsaan (AADK).

## **KEMPEN KITA DEMI NEGARA**

Kempen Kita Demi Negara mensasarkan penglibatan dan kerjasama yang menyeluruh antara masyarakat dengan KDN. Melalui inisiatif yang diambil oleh KDN ini, agenda Malaysia Madani dapat diikuti dan dilibatkan bersama seluruh peringkat masyarakat. Ianya bagi melahirkan semangat cintakan negara, untuk sama-sama bertanggungjawab menjaga keselamatan negara, di samping menjadikan rakyat sebagai rakan strategik bagi penyampaian maklumat serta informasi dengan lebih tepat.

Terdapat lima matlamat utama kempen ini; pertama adalah untuk meningkatkan kesedaran rakyat dalam ketenteraman awam, kedua, memupuk semangat patriotik cintakan tanah air, ketiga, membina perpaduan di kalangan masyarakat majmuk, keempat, menyebar luas peranan KDN, dan agensi dari aspek keselamatan, dan kelima, memupuk kerjasama antara rakyat dan KDN serta agensi demi keselamatan dan ketenteraman awam di Malaysia (Azil, 2022). Kempen Kita Demi Negara ini telah dilaksanakan di tiga zon iaitu Zon Utara, Zon Sabah dan Zon Timur pada tahun 2022.

## **KERANGKA KAJIAN DAN METODOLOGI**

Kerangka kajian dibangunkan berdasarkan tujuan dan objektif kajian serta aspirasi daripada KDN. Perbincangan secara terperinci telah dijalankan oleh penyelidik bersama Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSON) melalui beberapa sesi bagi memastikan instrumen yang digunakan menepati elemen kajian. Soal selidik dibangunkan berdasarkan kerangka kajian yang terdiri daripada tujuh (7) domain yang telah dipersetujui iaitu:

- (i) Demografi
- (ii) Pendekatan program
- (iii) Pengurusan aktiviti
- (iv) Kesedaran tentang keselamatan
- (v) Keberkesanan program
- (vi) Semangat patriotisme
- (vii) Cadangan dan aspirasi

Kerangka kajian yang dibangunkan adalah seperti yang ditunjukkan di Jadual 1.

**Jadual 1**  
Kerangka Kajian

DOMAIN	SUB-DOMAIN	INSTRUMEN	NOTA
1. <b>Bahagian A</b> Demografi	Demografi	Umur, pekerjaan, warganegara, negeri menetap, kategori tempat tinggal, poskod, jantina, status perkahwinan, bangsa, agama, tahap pendidikan, pendapatan	Tujuan: <i>Profiling</i>
2. <b>Bahagian B</b> Pendekatan Program	Pendekatan	Pendekatan bersifat: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Interaktif</li> <li>2. Informatif</li> <li>3. Santai</li> <li>4. <i>People-centric</i></li> </ol>	Tujuan: Menilai pendekatan program yang digunakan.
	Pengoperasian	Pilihan lokasi, masa dan tarikh: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Lokasi yang mudah dikunjungi</li> <li>2. Tarikh, masa dan hari yang sesuai</li> </ol>	Tujuan: Menilai lokasi, masa dan tarikh program.
3. <b>Bahagian C</b> Pengurusan Aktiviti	Townhall  Ceramah	1. Susun atur yang sesuai 2. Townhall berjalan lancar /program diurus dengan baik 3. Bermula tepat pada waktunya 4. Dapat berinteraksi / bersoal jawab dengan MDN	Tujuan: Menilai keberkesanan aktiviti yang dijalankan semasa program: Townhall.
		1. Kandungan ceramah yang informatif 2. Penceramah yang menarik ( <i>good speaker</i> ) 3. Dapat berinteraksi/soal jawab dengan penceramah 4. Ceramah berjalan lancar/program diurus dengan baik	Tujuan: Menilai keberkesanan aktiviti yang dijalankan semasa program: Ceramah.
	Pertunjukkan Keselamatan Agensi / Jabatan	1. Sesi yang interaktif dan informatif 2. Mendapat pencerahan dan penjelasan mengenai isu berkaitan keselamatan dan kesejahteraan	Tujuan: Menilai keberkesanan aktiviti yang dijalankan semasa program: Ceramah.

	<i>Booth Pameran</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Susun atur <i>booth</i> yang menarik</li> <li>2. Bahan pameran yang informatif</li> <li>3. Penerangan pegawai bertugas terang (<i>clear/straightforward</i>) dan mudah difahami</li> </ol>	Tujuan: Menilai keberkesanan aktiviti yang dijalankan semasa program: Booth pameran.
Pendaftaran Sahabat KDN		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Informasi mengenai Sahabat KDN</li> <li>2. Pendaftaran berjalan lancar</li> </ol>	Tujuan: Menilai keberkesanan aktiviti yang dijalankan semasa program: Ceramah.
Perkhidmatan Kaunter		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkhidmatan kaunter yang cekap dan pantas</li> <li>2. Jenis perkhidmatan kaunter yang digunakan (open questions)</li> </ol>	Tujuan: Menilai keberkesanan aktiviti yang dijalankan semasa program: Perkhidmatan kaunter.
Jualan Produk Jabatan/Agensi KDN		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jenis barang jualan yang sesuai</li> <li>2. Harga berpatutan</li> </ol>	Tujuan: Menilai keberkesanan aktiviti yang dijalankan semasa program: Jualan produk Jabatan/Agensi KDN.
Kuiz & Cabutan Bertuah		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Soalan kuiz bersesuaian dan informatif</li> <li>2. Cabutan bertuah adalah menarik</li> </ol>	Tujuan: Menilai keberkesanan aktiviti yang dijalankan semasa program: Kuiz & cabutan bertuah.
Aktiviti Sampingan		<p>Aktiviti sampingan yang dijalankan sangat menarik dan berjalan dengan lancar:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pameran asset-aset strategik jabatan/agensi</li> <li>2. Mobile JPN, AADK</li> <li>3. Kebudayaan</li> <li>4. Program Derma Darah</li> <li>5. <i>Food Truck</i></li> <li>6. Wayang pacak</li> </ol>	Tujuan: Menilai keberkesanan aktiviti yang dijalankan semasa program: Aktiviti sampingan.

			7. Pertunjukkan keselamatan oleh PDRM, JIM, RELA, APMM, PENJARA 8. Lain-lain aktiviti	
4.	<b>Bahagian D</b> Kesedaran Tentang Keselamatan	Keberkesanannya yang maklumat yang disampaikan	Pemahaman matlamat program: 1. Keselamatan pasca Pandemik 2. Penyalahgunaan dadah dan substansi 3. Kesan pengaruh media sosial dan teknologi 4. Kompleksiti jenayah	Tujuan: Mengenalpasti sama ada: 1. Pengunjung memahami informasi yang disampaikan 2. Maklumat yang disampaikan berguna atau tidak kepada pengunjung
			<i>Outcome – Persepsi sebelum dan selepas program</i>	Tujuan: Mengukur persepsi pengunjung selepas mengunjungi program tersebut.
			Sebelum dan selepas menghadiri program, pengunjung berasa: 1. Program ini telah meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan 2. Ingin bersama-sama meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan negara	
5.	<b>Bahagian E</b> Keberkesanannya Program	Keberkesanannya Program	Persepsi terhadap KDN Impak pada individu Pemahaman mengenai peranan KDN Pemahaman mengenai kepentingan menjaga keselamatan	Tujuan: Mengukur keberkesanannya program
6.	<b>Bahagian F</b> Semangat Patriotisme	Semangat Cintakan Negara (Patriotisme)	Membangkitkan semangat Bangga menjadi rakyat Malaysia Ingin bersama-sama membangunkan Malaysia	Tujuan: Menilai impak program terhadap jati diri

			Sanggup berkorban untuk negara
7.	<b>Bahagian G</b> Cadangan dan Aspirasi	Cadangan Aspirasi	Cadangan penambahbaikan sektor keselamatan Aspirasi keselamatan dan kesejahteraan negara  Tujuan: Mendapatkan cadangan

Soal selidik diedarkan kepada pengunjung yang hadir ke program libat urus KDN. Teknik pemilihan sampel kajian yang digunakan adalah *convenient sampling* di mana soalan kaji selidik diedarkan secara rawak kepada responden.

Model *Partial Least Squares* (PLS) dengan menggunakan SmartPLS V.3 untuk menganalisis model pengukuran (*measurement model*) dan model struktur (*structural model*). Kaedah analisis ini dipilih kerana data tidak perlu memenuhi andaian bahawa data adalah normal. Kaedah ini juga membenarkan sampel yang lebih kecil di antara 100-180 sahaja. Bagi menguji model yang dibangunkan, pendekatan dua langkah telah digunakan berdasarkan saranan Anderson dan Gerbing (1988). Pertama, model pengukuran diuji dari segi kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) mengikut garis panduan Hair et al. (2019). Untuk model pengukuran analisis dibuat untuk *loadings*, varians purata (*average variance - AVE*) dan kebolehpercayaan komposit (*composite reliability - CR*). Nilai *loadings* perlu melebihi  $\geq 0.5$ , nilai AVE  $\geq 0.5$  dan CR  $\geq 0.7$ . Nilai *loadings* masih boleh diterima jika satu atau dua *loadings* yang kurang daripada 0.708 (Hair et al., 2019).

Kriteria seterusnya yang digunakan dalam model pengukuran adalah penilaian kesahan diskriminan (*discriminant analysis*) menggunakan pendekatan Fornell dan Larcker (1981). Kesahan diskriminan yang mencukupi telah dicapai berdasarkan kepada hasil keputusan yang menunjukkan punca kuasa dua AVE adalah lebih tinggi daripada korelasi setiap pembolehubah.

Langkah kedua adalah menganalisis model struktur bagi menguji hipotesis yang telah dibangunkan. Melalui model ini, prosedur *bootstrapping* digunakan pada dataset dengan 1,000 persampelan semula (*resamples*) untuk mengkaji *significant coefficient*. *Path coefficient* telah dianalisis untuk mendapatkan nilai signifikan, dengan nilai-t untuk ujian *two-tailed t-test* adalah 1.96 (5% daripada aras keyakinan) dan 2.58 (1% daripada aras keyakinan) (Hair et al., 2011).

## DAPATAN KAJIAN

Jadual 2 melaporkan analisis demografi bagi program-program libat urus KDN di Zon Timur, Zon Sabah dan Zon Utara. Secara amnya, responden lelaki yang menjawab soal selidik adalah lebih ramai berbanding dengan responden wanita. Majoriti responden bekerja sebagai penjawat awam bagi Zon Timur dan Zon Sabah. Jumlah responden dari kalangan pelajar adalah di antara 13-16% yang menunjukkan universiti, kolej komuniti, sekolah dan lain-lain entiti pengajian menghantar pelajar-pelajar untuk turut sama dalam program libat urus KDN.

Tempat tinggal responden dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu pinggiran bandar, bandar dan kampung. Sampel responden adalah seimbang di antara ketiga-tiga kategori ini. Dari segi keberkesanan program, Zon Sabah mencatat skor tertinggi iaitu 87.3% manakala Zon Timur dan Zon Utara mencatatkan skor lebih kurang 85%. Bagi peningkatan kesedaran terhadap keselamatan dan ketenteraman awam, Zon Utara mencatatkan skor tertinggi iaitu 6.95%, diikuti dengan Zon Timur sebanyak 2.78% dan Zon Sabah sebanyak 0.66%. Ini menunjukkan responden Zon Utara mencetus lebih pengetahuan dan kesedaran dalam kalangan responden dari sebelumnya melalui libat urus yang dijalankan oleh KDN berbanding Zon Timur dan Zon Sabah.

### Jadual 2

#### Demografi

	Zon Timur	Zon Sabah	Zon Utara
Sampel	669	537	408
Jantina	L:56.1% P: 43.9%	L: 53.1% P: 46.9%	L:54% P: 46%
<i>Pekerjaan:</i>			
Penjawat Awam	59%	58.5%	38.0%
Pelajar	16.3%	13.2%	16.0%
Sektor Swasta	13%	10.8%	17.8%
<i>Tempat tinggal:</i>			
Pinggiran Bandar	20.8%	11%	20%
Bandar	40%	60%	49%
Kampung	38.3%	29%	31%
Tahap Keberkesanan Program	85.7%	87.3%	85.2%
Peningkatan Tahap Kesedaran Sebelum dan Selepas Program	2.78%	0.66%	6.95%

Nota: L- lelaki, P-perempuan

Jadual 3 menunjukkan kriteria pengukuran model menggunakan beberapa ujian yang berbeza untuk mengesahkan kebolehpercayaan model. Pelbagai kriteria telah digunakan termasuklah Cronbach's Alpha,  $\rho_A$ , CR dan AVE. Kesemua kriteria yang digunakan menunjukkan kebolehpercayaan pengukuran model.

### **Jadual 3**

Kriteria Model Pengukuran

Konstruk	Cronbach's Alpha	$\rho_A$	CR	AVE
Keberkesanan Program	0.975	0.975	0.981	0.929
Pendekatan Program	0.960	0.961	0.968	0.834
Pengurusan Aktiviti	0.993	0.993	0.993	0.817
Semangat Patriotisme	0.980	0.980	0.985	0.942
Tahap Kesedaran	0.984	0.985	0.987	0.928


Jadual 4 menunjukkan analisis diskriminan di mana semua konstruk yang digunakan melepas standard kriteria Fornell-Larcker. Analisis diskriminan digunakan untuk mengesan perbezaan di antara dua kategori konstruk seperti keberkesanan program, pendekatan program, pengurusan aktiviti, semangat patriotisme dan tahap kesedaran. Tujuan ujian analisis diskriminan dijalankan adalah untuk memastikan penggunaan konstruk yang betul bagi mencapai objektif kajian.

### **Jadual 4**

Analisis Diskriminan (Kriteria Fornell-Larcker)


	Keberkesanan Program	Pendekatan Program	Pengurusan Aktiviti	Semangat Patriotisme	Tahap Kesedaran
Keberkesanan Program	0.964				
Pendekatan Program	0.608	0.913			
Pengurusan Aktiviti	0.810	0.738	0.904		
Semangat Patriotisme	0.897	0.563	0.786	0.971	
Tahap Kesedaran	0.727	0.526	0.741	0.706	0.963

**Rajah 1**  
Model Pengukuran



## Rajah 2

### Model Struktur



Rajah 1 dan 2 menunjukkan model pengukuran dan model struktur. Semua konstruk dan pembolehubah melepassi kriteria minimum yang telah ditetapkan. Kedua-dua model adalah stabil, sah dan efisien kerana jumlah pembolehubah yang tidak digunakan adalah kurang daripada 10%. Jadual 5 menunjukkan hipotesis yang dibangunkan untuk mengukur tahap keberkesanan program-program libat urus KDN. Hubungan yang signifikan adalah di antara pengurusan aktiviti program, semangat patriotisme dan tahap kesedaran mengenai keselamatan dan ketenteraman awam dengan keberkesanan program.

### **Jadual 5**

#### Hipotesis

Hipotesis	Hubungan	$\beta$	statistik-t	nilai-p	Keputusan
H1a	Pendekatan Program → Keberkesanan Program	0.055	1.152	0.25	Tidak sokong
H1b	Pengurusan Aktiviti Program → Keberkesanan Program	0.179	2.839	0.005	Sokong
H1c	Semangat Patriotisme → Keberkesanan Program	0.644	12.44	0.00	Sokong
H1d	Tahap Kesedaran → Keberkesanan Program	0.111	3.03	0.003	Sokong

Jadual 6 menunjukkan aktiviti-aktiviti yang paling diminati oleh responden di setiap zon. Secara amnya, responden lebih berminat dengan program-program yang berkaitan dengan kehidupan sehari-hari mereka iaitu perkhidmatan kaunter dan perkhidmatan mobil. PDRM menyediakan perkhidmatan kaunter bagi bayaran saman dengan kadar diskaun yang menarik. Aktiviti-aktiviti berbentuk hiburan turut diminati oleh responden di semua zon seperti kuiz, cabutan bertuah, wayang pacak, malam kesenian serta pameran daripada agensi dan jabatan di bawah KDN.

## Jadual 6

### Aktiviti yang paling diminati pengunjung

Zon Timur	Zon Sabah	Zon Utara
Perkhidmatan Mobil Perkhidmatan Kesihatan Aktiviti – Pertunjukkan Keselamatan, Kuiz & Cabutan Bertuah Jualan Murah Keperluan Asas Malam Kesenian Islam Aktiviti Keluarga	Perkhidmatan Kaunter Perkhidmatan Mobil Pameran Pelbagai Kementerian Aktiviti Lain – wayang pacak, bazar selera	Pertunjukkan Keselamatan Agensi/Jabatan KDN Perkhidmatan Kaunter Jualan Kuiz & Cabutan Bertuah

Cadangan daripada orang awam termasuklah:

- (i) Memperbanyakkan program bagi meningkatkan tahap kesedaran di kalangan masyarakat
- (ii) Meningkatkan rondaan oleh penguatkuasa seperti PDRM
- (iii) Membekalkan aset-aset yang canggih kepada penguatkuasa agar penguatkuasaan undang-undang lebih efektif
- (iv) Menambah CCTV di kawasan terpencil/tersembunyi termasuklah di kampung-kampung
- (v) Mempergiatkan penglibatan masyarakat untuk bersama-sama agensi bagi membanteras jenayah
- (vi) Kerjasama di antara agensi adalah perlu bagi mengelakkan pertindihan fungsi atau fungsi yang bukan di bawah mana-mana agensi

## RUMUSAN DAN PENUTUP

Secara keseluruhannya, program-program libat urus KDN bersama masyarakat telah memberi impak yang positif di dalam meningkatkan kefahaman masyarakat tentang kepentingan menjaga keselamatan dan ketenteraman awam. Cadangan-cadangan yang bernas bagi meningkatkan tahap keselamatan di Malaysia serta aspirasi mengenai keselamatan juga turut diberikan untuk penilaian KDN. Oleh itu, program-program seperti ini perlu diteruskan terutamanya untuk menjangkau segmen masyarakat yang tidak terlibat secara langsung dengan keselamatan dan ketenteraman awam atau tidak membawa di media dan media sosial mengenai keselamatan dan ketenteraman awam.

## RUJUKAN

- AADK (2020). *Statistik Dadah 2016-2020*. Diambil dari <https://www.adk.gov.my/category/statistik-dadah/>
- Anderson, J. C., & Gerbing, D. W. (1988). Structural Equation Modeling in Practice: A Review and Recommended Two-Step Approach. *Psychological Bulletin, 103*(3), 411–423.
- Azil, F. (2022). *Kempen Kita Demi Negara, pupuk kerjasama erat antara masyarakat dan KDN*. Astroawani. Diambil dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kempen-kita-demi-negara-pupuk-kerjasama-erat-antara-masyarakat-dan-kdn-341382>
- BERNAMA (2022). *Buli siber dalam kalangan belia: Malaysia kedua tertinggi di Asia*. Harian Metro. Diambil dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/01/800032/buli-siber-dalam-kalangan-belia-malaysia-kedua-tertinggi-di-asia>
- DOSM (2021). *Kenyataan Media Statistik Jenayah, Malaysia 2021*. Diambil dari [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5\\_Gallery/2\\_Media/4\\_Stats%40media/4-Press\\_Statement/2021/11%20Nov/JENAYAH%2C%20MALAYSIA%2C%202021.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2021/11%20Nov/JENAYAH%2C%20MALAYSIA%2C%202021.pdf)
- Fornell, C., & Larcker, D. F. (1981). Evaluating Structural Equation Models with Unobservable Variables and Measurement Error. *Journal of Marketing Research, 18*(1), 39-50.
- Hair, J. F., & Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2011). PLS-SEM: Indeed a silver bullet. *Journal of Marketing Theory and Practice, 19*(2), 139–151.
- Hair, J. F., Risher, J. J., Sarstedt, M., & Ringle, C. M. (2019). When to use and how to report the results of PLS-SEM. *European Business Review, 31*(1), 2-24.

Ismail, M. A. (2021). *Awasi jerat media sosial*. Harian Metro. Diambil dari <https://www.hmetro.com.my/addin/2021/10/761535/awasi-jerat-media-sosial>

Kementerian Dalam Negeri (2021). Pelan Strategik KDN 2021-2025. *Unpublished.*